

'Saman peribadi Saifuddin boleh musnahkan PKR'

Kangar: Tindakan Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mengemukakan saman peribadi ke atas Naib Presiden, Zuraida Kamaruddin, dilihat boleh memusnahkan parti itu.

Timbalan Ketua PKR Cabang Arau, Mohammad Faisol Abdul Rahman, berkata tindakan Saifuddin itu dilihat sebagai petanda pimpinan PKR sedang berusaha memusnahkan karier Zuraida secara senyap.

Menurutnya, selepas Zuraida diberi tempoh 14 hari bagi menjawab surat tunjuk sebab yang dikeluarkan ke atasnya atas dakwaan salah laku disiplin sejak 18 Januari lalu, pelbagai usaha secara senyap dilakukan oleh pihak tertentu bagi memecat beliau.

"Tindakan ini sama sekali bertentangan dengan etika parti yang sentiasa memberi peluang kepada ahli bersuara bagi membela diri sekiranya dikenakan sesuatu tinjakan."

"Ini pula yang jadi, apabila ada sebahagian majlis pimpinan parti di peringkat negeri yang turun berdemonstrasi di Ibu Pejabat



Ahli PKR berhimpun bagi menyatakan sokongan ke atas Zuraida di Pejabat PKR Cabang Arau di Simpang Empat, Kangar, semalam.

(Foto Dziaul Afnan Abdul Rahman /BH)

PKR baru-baru ini dan melaungkan slogan seakan menentang Zuraida.

"Mereka juga berdemonstrasi di hadapan pejabat kementerian tertentu tanpa sebarang tindakan diambil, ini sesuatu yang tidak bagus," katanya ketika ditemui pada Himpunan Solidariti Bersama Yang Berhormat Zuraida Kamaruddin di Pejabat PKR Cabang Arau di Simpang Empat, hari ini.

Terdahulu, seramai 120 ahli PKR berkumpul di pekarangan pejabat berkenaan dengan memegang sepanduk dan melaungkan slogan 'Hidup Zuraida' dan 'Zuraida Kamaruddin, Yes'.

Semalam, BH melaporkan Saifuddin mengesahkan Zuraida bukan hanya menerima surat tunjuk sebab atas salah laku disiplin, malah turut menerima surat saman daripadanya.

Saifuddin dipetik berkata, surat tunjuk sebab dikeluarkan Lembaga Disiplin parti, manakala surat saman dikeluarkan kerana Zuraida didakwa mengeluarkan pertuduhan fitnah terhadap dirinya.

Mengulas lanjut, Faisol berkata sekiranya ingin memecat Zuraida, pimpinan parti seharusnya memberi ruang kepada beliau dengan melihat pencapaiannya se-

bagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Janganlah sebab tidak boleh singkirkan Timbalan Presiden (Datuk Seri Mohamed Azmin Ali), orang lain pula yang dituju."

"Sebaiknya duduk berbincang sesama Majlis Pimpinan Tertinggi, kemudian baru putuskan sesuatu dan bukannya berdemonstrasi dan memprovokasi sesama sendiri," katanya.

| HARI | .. | KHAMIS |
|--------|----|-----------|
| TARIKH | .. | 30/1/2020 |
| MSURAT | .. | 14 |